



TAWARAN SEBUTHARGA

1. Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang terdiri dari syarikat 100% milik tempatan dan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU) serta mendaftar dengan MPK dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:-

Bil	Tajuk Kerja	No. Sebutharga	Kelas Tawaran	Kategori	Harga
1.1	CADANGAN MEMBINA LALUAN PEJALAN KAKI SERTA KERJA BERKAITAN DI HADAPAN KLINIK KESIHATAN BANDAR KUANTAN, JALAN BUKIT SEKILAU, KUANTAN	MPK/W/SH:97/2018	G1	CE 21	RM 30.00

2. Naskah Tawaran Meja (TTD) boleh diperiksa dan di beli di waktu pejabat sahaja mulai **18 September 2018 (Selasa)** di **Kaunter Bayaran Majlis Perbandaran Kuantan, Jalan Tanah Putih, 25100 Kuantan, Pahang Darul Makmur.**
3. Kontraktor yang berminat hendaklah mendapatkan naskah tawaran dengan hadir sendiri atau wakil ke **Kaunter Bayaran Majlis Perbandaran Kuantan** dan membawa **Sijil Asal Perakuan Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Sijil Asal Perolehan Kontrak Kerajaan (CIDB), Sijil Pengiktirafan Taraf Bumiputera (BPKU) dan Sijil Pendaftaran MPK** dengan satu salinan sijil-sijil tersebut serta membayar naskah tawaran yang ditetapkan. Bayaran hendaklah dibuat dengan wang tunai atau wang pos atau wang kiriman sebanyak sepertimana di atas dan atas nama **Majlis Perbandaran Kuantan.**
4. Naskah tawaran yang telah siap dipenuhi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bertulis di sudut kiri atas, tajuk kerja dan No. Sebutharga dan dikembalikan kepada **Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Kuantan, di Kaunter Berpusat, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Majlis Perbandarahan Kuantan, Jalan Tanah Putih, 25100 Kuantan, Pahang Darul Makmur** sebelum tarikh tutup tawaran iaitu tepat jam **12.00 tengah hari pada 27 September 2018 (Khamis).** Pihak MPK tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran serta tidak bertanggungjawab di atas apa jua perbelanjaan yang terlibat oleh kontraktor/pembekal untuk mengemukakan tawaran ini. Sebarang pertanyaan hendaklah menghubungi **Unit Projek, Jabatan Kejuruteraan di talian 09-5121555 / 09-5121666.**